

# ZIA jana pendapatan RM6.3b

Projek berskala besar, komersial beri nilai tambah industri pertanian: PM

Oleh Zulkofli Jamaludin,  
Nazura Ngah dan Hamid Salleh

**K**UALA BERANG: Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang membabitkan 39 projek berimpak besar (HIP) di seluruh negara dijangka mampu menjana hasil pendapatan negara sebanyak RM6.3 bilion menjelang 2010, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, program ZIA yang meliputi kawasan seluas 36,905 hektar membabitkan 22,084 pengusaha yang mampu memberi impak besar dari segi peluang pekerjaan, menambah pendapatan peserta, peluang perusahaan baru selain meningkatkan hasil negara.

Beliau berkata, dengan jangkaan pendapatan setiap peserta mencecah RM3,000 sebulan, projek ZIA akan menjadi pemangkin kepada transformasi pertanian dengan membawa perubahan besar dalam bidang itu.

Kata dia, projek ZIA antara usaha berskala besar dan komersial yang memberi nilai tambah dalam industri pertanian kepada nelayan, kumpulan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan siswazah.

Sehubungan itu, beliau mengharapkan syarikat swasta memainkan peranan terutama dari aspek pemasaran termasuk mengeksport hasil ke luar negara.

Beliau berkata demikian selepas melawat projek pembangunan ternakan ikan air tawar dalam sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir, dekat sini, petang semalam.


Terdahulu Perdana Menteri merasmikan HIP ZIA peringkat kebangsaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Tapah, dekat sini, sebelum melawat projek di Sungai Como yang terletak sembilan kilometer dari tapak perasmian. Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Effendi Norwawi dan Datuk Dr Abdullah Md Zin.

Ditanya pembabitan siswazah dalam projek berkenaan, Perdana Menteri berkata, kejayaan siswazah memberi rangsangan kepada rakan mereka untuk turut sama menceburi bidang usahawan tani yang kini semakin menjadi pilihan.

"Tiada perangkaan berapa ramai siswazah yang berminat..kalau mereka melihat kejayaan rakan mereka, mungkin minat akan timbul kerana industri itu mampu mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana yang menjadi industri hiliran," katanya.

Abdullah berkata, projek Sungai Como yang menjadi projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar terbesar di negara ini antara perubahan besar yang dibawa kerajaan Barisan Nasional yang diberi mandat oleh rakyat Terengganu sekali gus memberi peluang yang baik untuk nelayan menambah pendapatan.

"Biasanya kita menganggap nelayan kumpulan berpendapatan rendah, miskin kerana rezeki bergan-



**PROJEK BERIMPAK BESAR:** Abdullah merasmikan HIP Zon Industri Akuakultur (ZIA) peringkat kebangsaan sambil diperhatikan Idris (kanan) dan Muhyiddin di Sekolah Kebangsaan Tapah, semalam.

tung kepada apa diperoleh di laut.

"Jika musim tengkujuh, ombak besar, mereka tidak boleh pergi ke laut menyebabkan pendapatan mereka berkurangan. Dengan ada projek ini, pendapatan mereka akan berterusan," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, projek ZIA antara pendekatan penting dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan sekali gus menjadi pembangunan komprehensif negara selari dengan pendekatan Islam Hadhari yang memberi peluang pada semua pihak untuk turut serta.

Beliau berkata, sektor pertanian menjadi sektor utama di kawasan luar bandar.

**“Projek ZIA antara pendekatan penting dalam pembangunan RMK-9, sekali gus menjadi pembangunan komprehensif selari pendekatan Islam Hadhari”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Katanya, swasta diminta turut bahagian dalam program ZIA sekurang-kurangnya dari aspek pemasaran.

"Kerjasama dan muafakat antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta syarikat swasta dijangka membawa keuntungan kepada pihak terbabit termasuk peserta dan negara menerusi hasil yang dieksport ke luar negara."

Sementara itu, Muhyiddin dalam ucapannya berkata, kementerian menasaskan jumlah pengeluaran dalam sektor akuakultur sebanyak 662,000 tan menjelang 2010 dengan keutamaan udang (180,000 tan), ikan laut (122,000 tan) dan ikan air tawar (230,000 tan), manakala pengeluaran rumpai laut 125,000 tan.